

Operasi tiga loji air ditutup akibat tercemar ammonia

SEGAMAT - Tiga loji rawatan air milik Syarikat Air Johor Holding (SAJH) di sini terpaksa ditutup sementara operasinya berikutan Sungai Segamat dilaporkan tercemar dengan ammonia.

Pegawai Daerah Segamat, Ahmad Ma'in berkata, loji berkenaan iaitu di Kampung Tengah 1, Kampung Tengah 2 dan Batu Hampar yang menyalurkan air terawat kepada kira-kira 40,000 penduduk ditutup bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dilakukan.

"Siasatan awal mendapati pencemaran itu disebabkan aliran sisa kumbahan dari tangki simpanan sebuah kilang sawit di Kemelah yang bocor sebelum masuk Sungai Juasseh iaitu anak Sungai Segamat sejak semalam.

"Akibat kandungan ammonia yang tinggi, sebanyak 880 juta mililiter air terpaksa dilepaskan dari Empangan Juasseh, Labis pukul 3 petang ini (semalam) sebagai langkah awal mengatasi masalah ini," katanya selepas

meninjau Sungai Segamat di sini semalam.

Ahmad berkata, operasi ketiga-tiga loji terbahit dijangka pulih selepas air tidak tercemar yang dilepaskan dari empangan itu masuk ke Sungai Segamat.

Katanya, Badan Kawal Selia Air Johor akan terus memantau perkembangan itu selain akan mengenakan denda sehingga RM50,000 atau penjara lima tahun kepada pihak terbabit jika didapati bersalah. - Bernama



KEADAAN air Sungai Segamat yang bertukar warnanya menjadi hitam dan berbau dipercayai dicemari ammonia sehingga menyebabkan tiga loji rawatan air di Segamat terpaksa ditutup semalam.